

**ZIARAH UKHWAH BUYA HAMKA (ZUBHA I)**  
**sempena Seminar Pemikiran Buya Hamka**  
**BUKIT TINGGI, MANINJAU & PADANG PANJANG**  
**19-22 Februari 2015**

- Harga pakej**
- a. RM1,350.00 seorang (Bayaran deposit/ penuh **SEBELUM** 25 Disember 2014)
  - b. RM1,450 seorang (Bayaran deposit/ penuh **SELEPAS** 25 Disember 2014)

**Harga TERMASUK**

- Tiket penerbangan AirAsia pergi-pulang Kuala Lumpur-Padang-Kuala Lumpur .
- Penginapan sebilik dua orang untuk 3 malam . (Tambahkan RM450 seorang untuk sebilik seorang)
- Makan minum, khidmat pemandu pelancong dan pengangkutan darat seperti dalam jadual.
- Cukai lapangan terbang di Padang, Bagasi 20 kg pergi dan 20 kg pulang

**Harga TIDAK TERMASUK**

- Insurans perjalanan peribadi
- Perbelanjaan peribadi seperti telefon, laundry dan 'room service' di hotel.
- Minuman tambahan yang dipesan semasa makan.
- Tip untuk pemandu pelancong, pemandu bas dan kelendan bas
- Perkara lain yang tidak disebut dalam pakej.

- Untuk tempahan, sila buat bayaran deposit (tidak dikembalikan) sebanyak **RM800.00** bagi setiap peserta
- Baki bayaran dilunaskan sebelum 15 Januari 2015.
- Bayaran boleh dibuat atas nama **Global Peace Mission** di akaun Maybank MBB : 5642-2161-1602
- Sila fax atau emel borang dan bukti pembayaran.

Anjuran **Majlis Antarabangsa Jamaah (Wadah, ABIM & PKPIM)**  
dengan kerjasama **Global Peace Mission**  
untuk maklumat lanjut sila hubungi **Sdr WAN NOOR FADHILAH WAN IBRAHIM**  
2-2A Jalan GJ 2, Batu 5 1/2 Jalan Gombak, 53100 Kuala Lumpur  
Tel: 03-6188 3230 Fax: 03-6188 3233 Mel-e: gpmhq@yahoo.com

**ATURCARA TENTATIF** (*tertakluk kepada pearubahan*)

**HARI 1 : Khamis 19 Februari 2015 - KLIA2, Padang, Batu Sangkar, Bukit Tinggi** (*Lunch, Dinner*)

- 06.00 am - Checkin di KLIA2
- 07.50 am - Berlepas ke Padang.
- 08.00 am - Tiba di Padang (Waktu Indonesia Barat). Bertolak ke Batu Sangkar melawat Istana Pagar Ruyung.
- Ptg - Ke Bukit Tinggi. Check-in Hotel. Bermalam di Bukit Tinggi.

**HARI 2 : Jumaat 20 Februari 2015 - Bukit Tinggi, Maninjau** (*Breakfast, Lunch, Dinner*)

- Pagi & Ptg - Kunjungan ke Muzium Rumah Kelahiran Buya Hamka & Pondok Pesantren Buya Hamka, Maninjau.
- Kembali ke Bukit Tinggi. Bermalam di Bukit Tinggi.

**HARI 3 : Sabtu 21 Februari 2015 - Bukit Tinggi** (*Breakfast, Lunch, Dinner*)

- Pagi - Seminar Pemikiran Buya Hamka di Bukit Tinggi.
- Petang - Lawatan sekitar Bukit Tinggi. Bermalam di Bukit Tinggi.

**HARI 4 : Ahad 22 Februari 2015 - Bukit Tinggi, Padang Panjang, Padang, KLIA2** (*Breakfast, Lunch*)

- 8.00 pagi - Check-out dari hotel & transfer ke lapangan terbang
- Singgah di Pusat Dokumentasi Minang, Padang Panjang.
- 12.30 pm - Check-in di lapangan terbang di Padang.
- 2.25 pm - Berlepas ke KLIA2
- 4.40 pm - Tiba KLIA2

----- sila potong di sini -----

Nama penuh (sila tulis dalam HURUF BESAR seperti ejaan dalam paspot atau kad pengenalan) :

No KP: \_\_\_\_\_ Alamat emel : \_\_\_\_\_

No Hp : \_\_\_\_\_ No & Tarikh luput Pasport: \_\_\_\_\_

Bayaran 1 : RM \_\_\_\_\_ Bayaran 2 : RM \_\_\_\_\_

### Istano Basa Pagaruyung

Pagaruyung adalah nagari yang terletak di dekat Batusangkar, ibu kota kabupaten Tanah Datar, Sumatera Barat. Dari sumber tambo, nagari ini dulunya adalah merupakan ibu kota dari kerajaan Pagaruyung.



Istano Basa yang lebih terkenal dengan nama Istana Pagaruyung, adalah sebuah istana yang terletak di kecamatan Tanjung Emas, kota Batusangkar, kabupaten Tanah Datar, Sumatera Barat. Istana ini merupakan obyek wisata budaya yang terkenal di Sumatera Barat.

Istano Basa yang berdiri sekarang sebenarnya adalah replika dari yang asli. Istana Basa asli terletak di atas bukit Batu Patah dan terbakar habis pada sebuah kerusuhan berdarah pada tahun 1804. Istana tersebut kemudian didirikan kembali namun kembali terbakar tahun 1966.



**Lubang Jepang** dibangun sebagai tempat penyimpanan perbekalan dan peralatan perang tentara Jepang, dengan panjang terowongan yang mencapai 1400 m dan berkelok-kelok serta memiliki lebar sekitar 2 meter. Sejumlah ruangan khusus terdapat di terowongan ini, di antaranya adalah ruang pengintaian, ruang penyergapan, penjara, dan gudang senjata.

Selain lokasinya yang strategis di kota yang dahulunya merupakan pusat pemerintahan Sumatera Tengah, tanah yang menjadi dinding terowongan ini merupakan jenis tanah yang jika bercampur air akan semakin kokoh. Bahkan gempa yang mengguncang Sumatera Barat tahun 2009 lalu tidak banyak merusak struktur terowongan. Diperkirakan puluhan sampai ratusan ribu tenaga kerja paksa atau romusha dikerahkan dari pulau Jawa, Sulawesi dan Kalimantan untuk menggali terowongan ini. Pemilihan tenaga kerja dari luar daerah ini merupakan strategi kolonial Jepang untuk menjaga kerahasiaan megaprojek ini. Tenaga kerja dari Bukittinggi sendiri dikerahkan di antaranya untuk mengerjakan terowongan pertahanan di Bandung dan Pulau Biak.



"KITA punya Hamka, tetapi yang memilikinya adalah Malaysia. Mengapa?" Itulah luahan Pengelola **Muzium Rumah Kelahiran Buya Hamka**, Hanif Rasyid, yang boleh ditafsirkan sebagai rasa terharu pada sanjungan rakyat Malaysia terhadap ulama besar negara jiran itu, Allahyarham Abdul Malik Karim Amrullah atau lebih dikenali sebagai Hamka.

"Rakyat Malaysia lebih mengenali Hamka kerana karya beliau pernah dijadikan teks sastera pelajar Tingkatan Enam, selain sering dibaca oleh generasi muda Malaysia. Novel Merantau Ke Deli beliau juga pernah dijadikan sebagai teks Sastera pelajar Tingkatan Dua di Singapura," katanya kepada pengunjung di

Muzium Rumah Kelahiran Buya Hamka, Tasik Maninjau, Sumatera Barat. Malah, penubuhan muzium itu juga asalnya dicadangkan oleh Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) di tapak rumah asal keluarga ibu Hamka yang musnah pada zaman pendudukan Jepun. "Muzium ini juga hanya menyimpan 30 judul buku karangan Hamka, manakala selebihnya, iaitu 107 judul masih berada di Malaysia dan saya berharap kalau dapat dana untuk ke sana bagi melengkapi koleksi sedia ada. "Sebahagian besar buku Hamka memang dicetak di Malaysia sehingga tidak banyak bukunya di sini, tetapi Gramedia dalam usaha menerbitkannya kembali secara satu persatu," katanya yang juga anak saudara kepada Hamka.